

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

PROSEDUR PENGURUSAN SIASATAN DALAMAN

DISEDIAKAN OLEH:	DISEMAK OLEH:	DISAHKAN OLEH:
Tandatangan & Cop ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan	Tandatangan & Cop HAJI MOHD NIZAM BIN MAHAYUDDIN SMP., AAP. Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan	Tandatangan & Cop DATUK ZALIZA BIN ZULKIFLI, DMA, AAP Datuk Bandar Kuantan Majlis Bandaraya Kuantan
Tarikh 03.04.2026	Tarikh 03.04.2026	Tarikh 03.04.2026

NO. SALINAN TERKAWAL	PEMEGANG DOKUMEN (TANDATANGAN & COP RASMI)
BI 03 (02)	ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

REKOD PINDAAN

KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN	DILULUSKAN OLEH
01	04 Julai 2024	Pertukaran Datuk Bandar Kuantan	Pengurus SPAR MBK
02	03 April 2026	Mengemaskini dan menyelaraskan prosedur selaras dengan piawaian MS ISO 37001:2025.	Datuk Bandar Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Memastikan proses pengurusan siasatan dalaman dikendalikan dengan cekap, teratur dan berkesan.
- 1.2 Prosedur ini bertujuan:
- i. Memberi panduan mengenai aspek penting dalam siasatan;
 - ii. Memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai kesilapan lazim dalam siasatan; dan
 - iii. Meningkatkan keberkesanan dalam pengendalian siasatan.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosedur ini akan digunapakai oleh Bahagian Integriti Majlis Bandaraya Kuantan dalam menguruskan proses siasatan dalaman berkaitan pelanggaran integriti, tadbir urus, rasuah dan jenayah melibatkan pegawai dan kakitangan Majlis.
- 2.2 Prosedur ini adalah terpakai kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Kuantan.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR).
- 3.2 Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan.
- 3.3 Mesyuarat Pengurusan.
- 3.4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 P.U (A) 395 / 1993.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- 3.5** Prosedur Pengurusan Aduan (SPAR).
- 3.6** Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pindaan) 1995 / P.U. (A) 329/1995.
- 3.7** Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 3.8** Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.
- 3.9** Akta 711: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- 3.10** WP10.3 Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam.
- 3.11** AM2.8 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Kehilangan dan Hapus Kira.
- 3.12** Arahan Perbendaharaan 59.
- 3.13** Laporan Ketua Audit Negara.
- 3.14** Lain-lain siasatan yang diperuntukan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan semasa yang berkuatkuasa.

4.0 DEFINISI

4.1 Dalam prosedur ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

- i. Jawatankuasa Siasatan
 - - Satu kumpulan pegawai yang ditubuhkan dengan minima keanggotaan seramai tiga (3) orang termasuk Pengerusi.
 - Pengerusi hendaklah dengan Gred Jawatan yang lebih tinggi daripada pegawai yang disiasat.
 - Dua (2) ahli lain hendaklah dengan Gred Jawatan yang bersesuaian.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- ii. Urusetia
 - Pegawai daripada Jabatan / Bahagian yang bertanggungjawab menjalankan usaha kawalan dalaman jabatan dalam menguruskan integriti dalam organisasi.
- iii. Pihak yang Terlibat
 - Pihak-pihak yang ditentukan perlu oleh Urusetia / Jawatankuasa Siasatan untuk membantu siasatan.
- iv. Pengadu
 - Individu atau kumpulan serta pihak luar yang mengemukakan aduan mengenai pelanggaran tatakelakuan dan pelanggaran etika organisasi.
- v. Pihak Luar
 - Individu atau kumpulan yang bukan warga Majlis Bandaraya Kuantan.
- vi. Siasatan
 - Perbuatan memeriksa, menyelidik dan mencari bukti terhadap sesuatu perkara yang belum disahkan kebenarannya. Hasil siasatan yang berkualiti ialah siasatan yang dapat menegakkan keadilan kepada semua pihak mengikut peraturan dan undang-undang.

4.2 JENIS-JENIS SIASATAN DALAMAN

4.2.1 Aduan

- Aduan yang diterima yang mempunyai sekurang – kurangnya maklumat asas mengenai apa, siapa, di mana, bila dan bagaimana sesuatu pelanggaran tatakelakuan berlaku.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- Aduan yang memerlukan siasatan adalah berbeza dengan aduan yang memadai dijawab dengan maklumbalas secara langsung kepada pengadu atau memerlukan pengauditan.
- Dalam menentukan samada sesuatu aduan memerlukan siasatan atau memadai maklumbalas atau memerlukan pengauditan, Ketua Jabatan (dengan syor Urusetia), perlu mengambilkira faktor kompleksiti aduan, kepentingan awam serta kepentingan jabatan dan lain – lain pertimbangan yang bersesuaian. Urusetia memainkan peranan untuk membuat pengesyoran kepada Ketua Jabatan.
- Bagi aduan dengan maklumat yang terlalu umum, Ketua Jabatan (dengan syor Urusetia), berhak memutuskan untuk tidak mengambil tindakan atau menjalankan siasatan ke atas aduan tersebut.
- Bagi aduan berulang, Urusetia boleh mengesyorkan kepada Ketua Jabatan untuk ianya diambil maklum. Siasatan hanya akan dibuat hanya ke atas pertambahan fakta atau bukti baharu.

4.2.2 Siasatan berhubung penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan oleh kakitangan Majlis.

4.2.3 Siasatan berhubung salah laku pegawai dan kakitangan Majlis.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

4.2.4 Surat layang

- Surat layang yang diterima yang mempunyai sekurang – kurangnya maklumat asas mengenai apa, siapa, di mana, bila dan bagaimana sesuatu pelanggaran tatakelakuan berlaku.
- Surat layang yang memerlukan siasatan adalah berbeza dengan surat layang yang memadai diambil maklum oleh Ketua Jabatan, Bahagian atau memerlukan pengauditan.
- Bagi surat layang dengan maklumat yang terlalu umum, Ketua Jabatan (dengan syor Urusetia) berhak memutuskan untuk tidak mengambil tindakan atau menjalankan siasatan ke atas aduan tersebut.
- Bagi surat layang berulang, Urusetia boleh mengesyorkan kepada Ketua Jabatan untuk ianya diambil maklum. Siasatan hanya akan dibuat hanya ke atas pertambahan fakta atau bukti baharu.

4.2.5 Laporan Ketua Jabatan

4.2.6 Arahan Ketua Jabatan

4.2.7 Penemuan Audit

5.0 SINGKATAN

- | | | | |
|-----|-----|---|--------------------------|
| 5.1 | MBK | - | Majlis Bandaraya Kuantan |
| 5.2 | DBK | - | Datuk Bandar Kuantan |
| 5.3 | S/U | - | Setiausaha |

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- 5.4 PJ - Pengarah Jabatan
- 5.5 KB - Ketua Bahagian
- 5.6 BI - Bahagian Integriti
- 5.7 JTK - Jawatankuasa Tatakelola
- 5.8 MSSP - Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan
- 5.9 SPAR - Sistem Pengurusan Anti Rasuah
- 5.10 JKSD - Jawatankuasa Siasatan Dalaman

6.0 PENGELASAN

6.1 Pengurusan siasatan adalah dikategorikan sebagai terperingkat dan pengendaliannya adalah berdasarkan Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan lain-lain peraturan semasa yang berkuatkuasa.

6.2 Ketua Jabatan di dalam prosedur ini juga merujuk kepada Datuk Bandar Kuantan.

7.0 CIRI-CIRI JAWATANKUASA SIASATAN

7.1 Bukan terdiri daripada Pengerusi / Ahli Jawatankuasa Tatatertib.

7.2 Berkecuali

- Jawatankuasa Siasatan hendaklah bertindak sebagai satu pihak yang berkecuali dan bebas. Siasatan dibuat tanpa dipengaruhi oleh mana – mana pihak. Dipengaruhi bermaksud unsur – unsur negatif seperti ugutan, ancaman, tekanan, pakatan, subahat. Jawatankuasa

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Siasatan perlu membuat pengisytiharan dan menarik diri sekiranya beliau mempunyai kepentingan dalam kes tersebut. Urusetia perlu membuat pertimbangan sewajarnya.

7.3 Kompetensi

- Jawatankuasa mempunyai pengetahuan dalam isu yang terlibat.

7.4 Integriti

- Melaksanakan tugas dengan ikhlas dan bertanggungjawab.
- Mematuhi undang – undang.
- Imej yang baik.
- Mengecualikan diri daripada mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang tidak sah atau melibatkan diri dalam perbuatan yang melanggar profesion siasatan dalam organisasi.

7.5 Kerahsiaan

- Menjaga kerahsiaan maklumat berkaitan siasatan
- Tidak mendedahkan apa – apa maklumat berkaitan siasatan kepada mana – mana pihak.

8.0 PROSEDUR

BIL	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.	DBK	6.1 Penubuhan JKSD a) Mengeluarkan arahan penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalam (JKSD) dan menandatangani surat pelantikan ahli jawatankuasa. (Lampiran 2: Contoh surat pelantikan; BI 03-B01)

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

2.	BI	6.2 Menyediakan dan mengedarkan surat pelantikan. 6.3 Mengadakan taklimat kepada JKSD a) Mengemukakan maklumat berkaitan siasatan yang akan dijalankan beserta laporan ringkas siasatan awal yang telah dilaksanakan kepada Ahli Jawatankuasa Siasatan Dalamannya.
3.	JKSD	6.4 Siasatan dan Penyediaan Laporan 6.4.1 Menjalankan siasatan dan penyediaan laporan • Mengenalpasti isu. • Mengenalpasti – ➢ Bila - masa, Tarikh ➢ Di mana - tempat ➢ Siapa - pegawai dan latar belakang pegawai ➢ Bagaimana berlaku ➢ Kenapa berlaku ➢ Peraturan dilanggar ➢ Siapa pihak-pihak yang terlibat • Kenal pasti bukti dan keterangan. Contoh dokumen atau gambar. Contoh dokumen adalah seperti Senarai Tugas, Carta Organisasi, Buku Perkhidmatan Pegawai, Nota Serah Tugas, Laporan Polis, Audiovisual dan sebagainya. • Jawatankuasa Siasatan boleh memberi maklumat tambahan mengikut skop/kesesuaian kes. 6.4.2 Kaedah siasatan: • Semakan dokumen. • Pilih sampel bersesuaian. • Temubual

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

	a) Menemubual pengadu atau lain – lain pihak yang terlibat. b) Temubual boleh diatur melalui temujanji secara bertulis. Jawatankuasa boleh memutuskan lain-lain kaedah yang bersesuaian mengikut keadaan pengadu atau lain-lain pihak yang terlibat. c) Menyediakan format soalan / temu duga untuk dijawab serta ditandatangani serta Surat Akuan Pernyataan. d) Jawatankuasa boleh menentukan bilangan pegawai yang perlu terlibat dari masa ke semasa. e) Pihak luar. f) Mengenalpasti tempat yang bersesuaian • Lawatan tapak / tempat kejadian. • Lain-lain kaedah yang bersesuaian. • Tidak terhad kepada pegawai yang diadu sahaja malahan boleh diperluaskan kepada pengadu sendiri. 6.4.3 Penyediaan Laporan • Kandungan ➤ Tujuan ➤ Isu ➤ Latar Belakang a. Butiran pengadu b. Butiran pegawai yang diadu ➤ Kronologi ➤ Keanggotaan Jawatankuasa Siasatan ➤ Kaedah Siasatan ➤ Hasil Penemuan ➤ Syor 📌 Sekiranya syor melibatkan tindakan punitif, nama – nama
--	---

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

		yang disyorkan untuk tindakan punitif / peranan / pelanggaran tatakelakuan dan peraturan berkaitan / faktor pelanggaran / cadangan hukuman tatatertib / cadangan nilai surcaj perlu dinyatakan. ✚ Turut dinyatakan samada pelanggaran tatakelakuan adalah yang pertama atau berulang ➤ Cadangan Penambahbaikan ➤ Dokumen Penyiasatan ➤ Rumusan (Lampiran 3: Contoh format pelaporan JKSD; BI 03-B02)
4.	BI	6.5 Semakan Laporan • Menyemak laporan jika ada yang tidak lengkap. (Lampiran 4: Contoh senarai semak; BI 03-B03) • Urus Setia boleh mencadangkan pindaan kepada JKSD jika terma yang digunakan tidak tepat. Contohnya hukuman tatatertib yang dicadangkan tidak selari dengan Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. • Menyediakan Minit Bebas kepada Datuk Bandar Kuantan (yang melantik) beserta syor serta ruang untuk pilihan perakuan (Setuju / Tidak Setuju / Setuju Dengan Pindaan) (Lampiran 5: Contoh format; BI 03-B04) • Kaedah lain ialah melalui pembentangan kepada Datuk Bandar Kuantan. • Sekiranya Datuk Bandar Kuantan tidak berpuas hati dengan Laporan Siasatan, Datuk Bandar Kuantan boleh – a) Mengarahkan siasatan semula atau

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

	penambahbaikan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan; atau b) Melantik Jawatankuasa Siasatan yang baharu untuk menjalankan siasatan. 6.6 Telah memperolehi keputusan • Jika telah ada keputusan Datuk Bandar Kuantan, memanjangkan untuk tindakan Bahagian berkaitan dan menetapkan <i>deadline</i> untuk maklumbalas. • Memaklumkan status siasatan kepada pengadu secara umum bahawa siasatan telah pun selesai. • Penemuan / keputusan siasatan juga adalah muktamad, kecuali jika terdapat bukti baharu yang memerlukan aduan tersebut disiasat semula.
--	---

9.0 ADUAN YANG MENGANDUNGI ELEMEN KESALAHAN JENAYAH

9.1 Sekiranya aduan yang sama dikemukakan oleh pengadu kepada agensi penguatkuasaan, fokus siasatan boleh menjurus kepada pelanggaran tatakelakuan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Isu siasatan tidak boleh berasaskan pada alasan yang sama dengan alasan bagi dakwaan kesalahan jenayah terhadap pegawai dan tidak juga membangkitkan secara substantif isu yang sama dengan isu dengan kesalahan jenayah yang dibangkitkan terhadap pegawai.

9.2 Syor dalam Laporan Siasatan agar tindakan agensi penguatkuasaan diteruskan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

9.3 Pengurusan Laporan Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang diterima perlulah berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 'Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-Kes Tatatertib Yang Dirujuk oleh Badan Pencegah Rasuah'.

10.0 CARTA ALIR

10.1 Carta alir Prosedur Pengurusan Siasatan Dalaman disediakan seperti di **Lampiran 1.**

11.0 REKOD KUALITI

BIL	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN
1.	Fail Sulit (Lantikan JKSD)	Bahagian Integriti	5 Tahun
2.	Jadual Pelantikan JKSD	Bahagian Integriti	5 Tahun
3.	Fail Laporan Siasatan JKSD	Bahagian Integriti	7 tahun kecuali diperlukan untuk siasatan lanjut dan urusan mahkamah

12.0 TARIKH KUATKUASA

12.1 Pelaksanaan Prosedur Pengurusan Siasatan Dalaman Majlis Bandaraya Kuantan berkuatkuasa mulai tarikh prosedur ini dikeluarkan. Majlis

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Bandaraya Kuantan mempunyai hak untuk meminda prosedur ini dari semasa ke semasa.

13.0 LAMPIRAN

13.1 Carta Alir Prosedur Pengurusan Siasatan Dalam (Lampiran 1)

13.2 Contoh surat pelantikan Ahli JKSD (BI 01-B01)

13.3 Contoh Format Pelaporan JKSD (BI 01-B02)

13.4 Contoh Senarai Semak (BI 01-B03)

13.5 Contoh Format Minit Bebas Kepada Datuk Bandar (BI 01-B04)

-TAMAT-


SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN SIASATAN DALAMAN



SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

LAMPIRAN 2 (BI 03-B01)

CONTOH SURAT PELANTIKAN AHLI JKSD

SULIT

Surat MBK :

Tarikh :

...(Pengerusi)

...(Ahli)

...(Ahli)

Tuan,

PENUBUHAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN BAGI...

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, pihak Majlis telah menerima satu aduan berhubung

Ringkasan aduan adalah seperti berikut:-

i.

ii.

iii.

3. Pihak Majlis memutuskan agar Jawatankuasa Siasatan Dalaman ditubuhkan untuk melaksanakan siasatan terperinci dalam perkara ini.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

4. Sehubungan itu, tuan **dilantik menganggotai Jawatankuasa Siasatan Dalaman** dan diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat mengenai perkara di atas. Sesalinan aduan serta isu berhubung aduan ini disertakan di **Lampiran 1** untuk rujukan tuan. **Laporan siasatan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Integriti selewat-lewatnya pada ...**

5. Dalam pengurusan siasatan ini, tuan adalah tertakluk kepada Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan lain-lain peraturan semasa berkuatkuasa.

6. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bahagian Integriti di talian 09 5121 555/666 samb. 7630 atau emel integriti@mbk.gov.my .

7. Diharapkan dengan pelantikan ini, tuan akan memberikan kerjasama dan komitmen sepenuhnya dalam siasatan ini.

Sekian, terima kasih.

“KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI”

Saya yang menjalankan amanah,

.....

(Datuk Bandar Kuantan)

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

LAMPIRAN 3 (BI 03-B02)

FORMAT:

- FONT ARIAL 12
- JUSTIFY
- PARAGRAPH 2.0
- LAYOUT: POTRAIT/ 2 CM

CONTOH FORMAT PELAPORAN JKSD



JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

...(Nyatakan Tajuk)

1.0 TUJUAN

1.1 Siasatan ini merupakan susulan kepada arahan...berhubung...

2.0 ISU

2.1 Siasatan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) tertumpu kepada ... isu yang dikenalpasti pihak berkaitan perkara tersebut iaitu:

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Butiran Pengadu

3.2 Butiran Pegawai Yang Diadu

4.0 KRONOLOGI

5.0 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA SIASATAN

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

6.0 KAEDAH SIASATAN

7.0 HASIL PENEMUAN

BIL.	ISU	PENEMUAN

8.0 SYOR

9.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

10.0 DOKUMEN PENYIASATAN

BIL.	PERKARA	LAMPIRAN
1.		
2.		
3.		
4.		

11.0 RUMUSAN

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

12.0 TANDATANGAN

.....
()

Pengerusi
Jawatankuasa Siasatan Dalaman
...(Tajuk)
Tarikh:

.....
()

Ahli
Jawatankuasa Siasatan Dalaman
...(Tajuk)
Tarikh:

.....
()

Ahli
Jawatankuasa Siasatan Dalaman
...(Tajuk)
Tarikh:

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

LAMPIRAN 4 (BI 03-B03)

CONTOH SENARAI SEMAK

SENARAI SEMAK LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

BIL	PERKARA	ADA	TIADA
1.	Tujuan		
2.	Isu		
3.	Latar Belakang Butiran Pengadu Butiran Pegawai yang Diadu		
4.	Kronologi		
5.	Keanggotaan Jawatankuasa Siasatan Dalaman		
6.	Kaedah Siasatan		
7.	Hasil Penemuan		
8.	Syor		
9.	Cadangan Penambahbaikan		
10.	Dokumen Penyiasatan		
11.	Rumusan		
12.	Tandatangan		

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

LAMPIRAN 5 (BI 01-B04)

FORMAT MINIT BEBAS

Kepada :

Rujukan :

LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN BAGI ...

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

LATAR BELAKANG

2. Sepertimana ... sedia maklum, Seksyen ini telah menerima aduan berhubung ...

Ringkasan aduan adalah seperti berikut:-

- i. Z
- ii. Z
- iii. Z

3. Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) telah ditubuhkan pada ... dengan keanggotaan seperti berikut:-

- i. Z
- ii. Z
- iii. Z

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

PENEMUAN

4. Secara keseluruhannya JKSD mendapati:-

- i. Z
- ii. Z

SYOR

5. Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) turut mengesyorkan tindakan serta penambahbaikan seperti di perenggan ... Laporan Siasatan tersebut.

ULASAN URUSETIA

6. Laporan JKSD memenuhi semua elemen seperti yang digariskan dalam Prosedur Pengurusan Siasatan Dalaman Majlis dan boleh dipertimbangkan selanjutnya ...

PENUTUP

7. Diangkat Laporan Siasatan tersebut khususnya Syor dan Penambahbaikan seperti perenggan ... Laporan Siasatan untuk pertimbangan YH. Dato'.

8. Laporan Siasatan yang dipersetujui YH. Dato' dipanjangkan untuk tindakan ... dan maklumbalas dikemukakan semula ke Bahagian Integriti selewat-lewatnya pada ... untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih

(...)

Tarikh

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 03
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

PERTIMBANGAN DATUK BANDAR KUANTAN

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN		
		SETUJU	SETUJU DENGAN PINDAAN	TIDAK SETUJU
1.	Syor di perenggan ... dalam Laporan Siasatan			
2.	Cadangan penambahbaikan seperti di perenggan ... dalam Laporan Siasatan			
3.	Maklumbalas ke atas syor dan cadangan penambahbaikan dan rumusan dikemukakan semula oleh ... kepada ... selewat-lewatnya pada ...			

Ulasan (sekiranya ada)

.....

(Datuk Bandar Kuantan)

Tarikh: